

09/02/1999

PM dikatakan pernah terima surat layang

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini, Perdana Menteri dan beberapa menteri Kabinet pernah menerima pelbagai surat layang, tetapi tidak membuat laporan polis.

Menurutnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah ditohmah mempunyai hubungan sulit dengan seorang perempuan Cina dan ada dakwaan daripada Marina Yusof terhadap Perdana Menteri dalam satu pita video.

Bagaimanapun, katanya, Perdana Menteri tidak membuat laporan polis berhubung perkara itu.

Beliau berkata, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, juga pernah ditohmah membunuh seorang perempuan bernama Mustakizah.

"Itu adalah satu tuduhan yang serius. Tapi tiada laporan polis dibuat," katanya ketika memberi keterangan membela diri.

Sebelum itu, Anwar ditanya peguam bela Raja Aziz Addruse, adakah beliau memang berkehendakkan satu laporan polis dibuat berhubung surat layang yang memfitnahnya.

Menurut Anwar, pada mulanya beliau tidak menyokong cadangan Cawangan Khas (SB) supaya membuat laporan polis berhubung surat layang berkenaan.

"Dr Mahathir sendiri pernah menunjukkan kepada saya satu surat layang yang memfitnah saya dan berkata 'baca dan koyak'. Beliau berkata, saya perlu belajar daripada pengalaman itu dan tidak perlu menghirau tohmahan berniat jahat itu.

"Saya menerima nasihat Perdana Menteri supaya tidak menghirau surat layang yang berniat jahat," katanya.

Anwar berkata, bekas Pengarah SB Datuk Said Awang dan timbalannya, Datuk Amir Yunus, yang memintanya membuat satu laporan polis berhubung surat layang yang memburuk-burukkannya.

Menurutnya, Said berkata, surat layang itu berniat jahat dan berniat menjatuhkan reputasinya dan polis perlu mengetahui siapa dalangnya.

Katanya, Asisten Superintendan Zull Aznam Haron (pegawai pengiringnya) bagi pihaknya membuat laporan polis berhubung surat layang bertajuk 'Talkin Terbuka Untuk Anwar Ibrahim' pada 15 Ogos 1997.

Raja Aziz: Adakah dalam pertemuan kamu dengan Said Awang dan Amir Yunus, kamu mengarahkan Azizan (Abu Bakar) dan Ummi Hafilda (Ali) ditangkap?

Anwar: Tidak ada perbincangan atau cadangan daripada saya atau daripada Said serta Amir supaya Ummi dan Azizan ditahan. Apa yang mereka beritahu saya, yang mereka sedang mencari Ummi dan Azizan. Pada fahaman saya, mereka mahu menyoal Ummi dan Azizan.

Raja Aziz: Selepas membuat laporan polis, apa yang berlaku?

Anwar: Selepas membuat laporan polis, saya menyerahnya kepada polis kerana saya percaya kepada kebijaksanaan mereka dan menaruh keyakinan kepada polis mengurus perkara itu ... tetapi tidak lagi sekarang.

Menurutnya, pada 17 Ogos 1997, beliau diberitahu bahawa polis sudah menahan Ummi Hafilda dan Azizan.

Anwar: Said dan Amir memberitahu saya bahawa Ummi dan Azizan ditahan di rumah Dr Ristina Majid di Bangsar. Mereka juga memberitahu saya mengenai pembabitian Datuk Aziz Shamsuddin (Setiausaha Politik Perdana Menteri).

Raja Aziz: Adakah kamu tahu pertalian antara Dr Ristina dengan Ummi Hafilda dan nama-nama yang kamu sebut sebelum ini?

Anwar: Saya tidak kenal Dr Ristina secara peribadi tetapi saya pernah dengar namanya. Saya tahu namanya sering dikaitkan dengan orang kaya dan

kenamaan sekitar Kuala Lumpur. Tapi saya tidak mengenalinya dan saya tidak menyesal.

Hakim Datuk S Augustine Paul: Berhati-hati dalam mengeluarkan kata-kata kerana saya akan merekodkannya.

Anwar: Yang Arif boleh merekodkannya.

Menurut Anwar, apabila beliau mengetahui Ummi Hafilda dan Azizan ditahan, beliau ada menyatakan supaya mereka tidak ditahan begitu lama.

"Tetapi apabila saya mengetahui pembabitan Dr Ristina dan Datuk Aziz, saya berminat untuk mengetahui mengenai perkara itu dengan lebih mendalam," katanya.

Anwar berkata, beliau kemudian diberitahu oleh Said dan Amir yang Azizan amat menyesal atas apa yang berlaku dan mahu menarik balik surat tohmahan yang dibuatnya terhadap beliau.

"Saya diberitahu Azizan mahu datang berjumpa saya untuk memohon maaf. Walaupun Ummi Hafilda juga menarik balik tohmahannya tetapi dia tidak bercadang berjumpa saya.

"Saya akhirnya bersetuju berjumpa Azizan. Azizan menemui saya dalam bilik perpustakaan di rumah saya. Dia memegang lutut saya sambil meminta maaf.

"Azizan kata, `saya salah besar buat ini semua. Saya murtad, jika saya buat tuduhan itu dan meneruskan tuduhan itu'," katanya.

Perbincangan bersambung esok.

(END)